

04 AUG 2003

Selat Inggeris

RENTETAN PERISTIWA KEJAYAAN ABDUL MALIK MYDIN

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 4 Ogos (Bernama) -- Berikut adalah kronologi kejayaan perenang marathon negara Abdul Malik Mydin merentasi Selat Inggeris semalam:

AHAD, 3 Ogos, (mengikut waktu London):

12.15 pagi - Malik mengambil wuduk dan bersembahyang sunat di bilik 235, Hotel Premiere Lodge, Dover.

1 pagi - bertemu dengan penyokong dan Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di England, Datuk Kamaruddin Mohamed Noor

1.30 pagi - menaiki bot Aeegen Blue bersama John Van Wisse, Freeda Streeter dan Michael Oram ke pantai Abbots Cliff. Ketika itu Malik terasa "mabuk laut" dan meminta supaya segera menyapukan minyak pada badannya.

1.36 pagi - menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendoakan kejayaan Malik dan mengucapkan selamat berjaya.

2.08 pagi - siren untuk memulakan renangan dibunyikan dan dia meneruskan misi berenang merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer pada suhu 16 darjah selcius.

3 pagi - dalam tempoh 52 minit renangan yang dilakukan oleh Abdul Malik, dia berjaya menyempurnakan jarak 3.2 kilometer.

4 pagi - John van Wisse terus memberikan semangat kepada Malik dan makanan diberikan setiap 20 minit.

8 pagi - Malik selesai berenang dalam jarak 16 kilometer dengan purata renangan 2.2 kilometer sejam.

8.15 pagi hingga 9.45 pagi - Malik memasuki zon berkabus pada laluan paling sibuk kapal dagang. Dianggarkan 10 kapal dagang lalu dalam tempoh itu tanpa mengambil kira feri yang berulang alik setiap sejam. Purata renangan ketika ini 1.5 hingga 2 kilometer sejam.

10 pagi - bebas dari zon berkabus dan Malik diberikan mesej oleh pengurusnya Rahayu Ahmad yang Dr Mahathir menghubungi untuk kali kedua bagi mengetahui perkembangan renangan yang sedang dilakukannya.

10.30 pagi - renangan kembali konsisten dan Freeda terus memberikan galakan. Seorang perenang dari Amerika, yang dikenali sebagai Matt turun ke laut untuk memberikan sokongan kepada Malik.

2 petang - Malik gembira apabila Calais semakin dihampirinya. Tetapi malangnya, arus bertentangan menyebabkan dia terpaksa berenang dalam keadaan tidak menentu.

5 petang - Dia masih lagi menentang arus dan jarak 3 kilometer terakhir untuk mendarat terpaksa diubah dari Cap Gris Nez ke Le Petit Blanc kerana kesukaran mula terbayang di wajahnya. Malik terus mencuba tetapi ombak terus menolaknya ke belakang. Pada satu ketika dia berenang seolah-olah mahu kembali semula ke Dover.

6 petang - Malik mendapat arahan dari juruarah, Michael Oram, bahawa laluan terpaksa diubah ke pantai Wishant, Calais. Fikirannya ketika itu sedikit terganggu dan kadangkala dia tidak mendengar siapa yang memanggilnya dari atas bot. Van Wisse terus memberikan makanan dan minuman.

7.50 malam - Malik menjejakkan kaki di pantai Wishant untuk dinobatkan sebagai rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama berjaya merentasi Selat Inggeris. Dia tersasar sejauh 58 kilometer dan mencatatkan masa rasmi, 17 jam 35 minit (masa CSPF).

8 malam - menaiki bot ke Dover

11.15 malam - tiba di pelabuhan Dover dan disambut oleh rakyat Malaysia

di situ. Bot terakhir yang membawa wartawan tiba di pelabuhan sama pada pukul 12 malam.

12.20am - Malik menerima panggilan ketiga dari Perdana Menteri, kali ini mengucapkan tahniah atas kejayaan beliau.

-- BERNAMA

AHA AHH RON